



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

PEKELILING MAJIKAN NO. 5/1995

**TEMPOH LEVI/BAKI LEVI SESUATU TAHUN YANG BOLEH DITUNTUT MELALUI BANTUAN
KEWANGAN GERAN LATIHAN/PEMBELIAN PERALATAN/UBAH SUAI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan sekali lagi berhubung dengan Caruman Levi yang disumbangkan dalam tahun 1993 hanya dibenarkan di bawa ke tahun 1994, dan apa-apa Levi 1993 yang tidak digunakan adalah luput dan Majlis bercadang untuk menggunakannya bagi manfaat majikan dengan membangunkan lebih banyak Skim Latihan. Untuk makluman tuan peraturan ini telahpun diumumkan secara meluas termasuk kenyataan Akhbar, Worksyop-worksyop HRDC dan melalui Persatuan Majikan yang telah diberitahu melalui Fax. Memandangkan masih terdapat keraguan dikalangan Majikan berhubung dengan perkara ini, maka melalui pekeling ini diterangkan sekali lagi berhubung dengan perkara tersebut.

2. Baki Caruman Levi 1993 hanya boleh di bawa ke tahun 1994, manakala Baki Caruman Levi tahun 1993 yang tidak digunakan tidak dibenarkan di bawa ke tahun 1995 dan Baki tahun 1993 dianggap luput. Baki Caruman tahun 1994 dibenarkan di bawa ke tahun 1995. Dalam ertikata lain Majikan hanya mempunyai maksima dua tahun untuk menuntut Caruman Levi yang dicarumkan di mana-mana tahun.

3. Caruman Levi 1994 hendaklah digunakan sebelum/pada 31.12.1995 manakala apa-apa levi 1994 yang tidak digunakan adalah luput dan tidak boleh di bawa ke tahun 1996. Sebagaimana yang telah diputuskan bahawa tuntutan untuk geran latihan yang dikemukakan dengan lengkap dan dibayar dalam tahun 1995 akan ditolak daripada Levi/Baki Levi yang disumbangkan dalam tahun 1994. Jika Levi 1994 yang terkumpul di dalam akaun individu Majikan tidak mencukupi, tuntutan akan dibayar menggunakan Levi 1995. Baki Levi yang disumbangkan dalam tahun 1995 boleh di bawa ke tahun 1996. Peraturan yang sama juga perlu diikuti, pada tahun-tahun seterusnya. Tarikh akhir tuntutan bantuan geran latihan yang lengkap mesti sampai ke Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan boleh dituntut dari Baki Levi 1994, akan diberitahu kemudian.

4. Dengan penerangan di atas diharap Majikan akan lebih aktif dalam melatih semua dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam tahun ini supaya Caruman Levi yang disumbangkan dapat digunakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)
b.p. Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia.